

**KEYAKINAN DIRI PELAJAR DIPLOMA PENDIDIKAN LEPASAN  
IJAZAH DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA TERHADAP  
ICT**

**FARAHYAH MURNI BINTI HARUN**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

**JANUARI 2013**

## ABSTRAK

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi merupakan salah satu elemen penting untuk mencapai wawasan negara dalam melahirkan tenaga kerja yang professional dan berkemahiran tinggi. Justeru keyakinan pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran subjek ICT dirasakan meragukan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap keyakinan diri pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah di UTHM terhadap ICT. Kajian ini dilakukan ke atas 210 orang pelajar DPLI Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM untuk mengetahui tahap keyakinan diri mereka terhadap ICT. Analisis dijalankan berdasarkan jantina, umur, bidang pengkhususan semasa ijazah sarjana muda, bidang pengkhususan semasa DPLI, dan pencapaian mereka dalam kursus Teknologi dan Inovasi Dalam Pendidikan. Satu set soal selidik dengan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian  $\alpha=0.97$  telah diedarkan. Dapatan data analisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens iaitu skor min, Ujian-t, Analisis Varian Satu Hala dan kolerasi spearman dengan menggunakan perisian SPSS versi 17.0. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keyakinan pelajar DPLI di UTHM terhadap ICT berada pada tahap tinggi dengan nilai keseluruhan min=4.23. Terdapat perbezaan tahap keyakinan diri pelajar terhadap ICT berdasarkan jantina, bidang pengkhususan semasa ijazah sarjana muda, bidang pengkhususan semasa DPLI dan pencapaian mereka dalam kursus Teknologi dan Inovasi Dalam Pendidikan. Manakala tidak terdapat perbezaan tahap keyakinan diri pelajar terhadap ICT berdasarkan umur. Adalah diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dan beberapa cadangan telah diusulkan bagi kajian lanjutan bagi meningkatkan kualiti bakal pendidik pada masa akan datang.

## ABSTRACT

An information and communication technology skill is one of the key elements to achieve the nation's vision in creating a workforce that is professional and highly skilled. Thus the confidence of students in the learning process ICT subjects deemed suspicious. Therefore, this study was conducted to determine the level of confidence in Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah students by the UTHM to ICT. This study was conducted on 210 DPLI students Faculty of Technical and Vocational Education, UTHM to discover their level of confidence on ICT. The analysis was done based on gender, age, area of specialization during undergraduate, specialization during DPLI, and their achievement in the course Technology and Innovation in Education. A set of questionnaires have been distributed with the reliability was  $\alpha=0.97$ . The findings of the analysis of data using descriptive statistics and inferential statistics of mean score, T-test, One-Way Analysis of Variance and correlation spearman using SPSS version 17.0. Overall, the results showed that the level of DPLI student confidence of ICT at the high level with the overall mean value = 4.23. There are different levels of confidence in ICT based on gender, field of specialization during undergraduate, specialization during DPLI and achievements in the course Technology and Innovation in Education. There is no significant difference in the level of confidence of ICT based on age. It is hoped that this study will be beneficial to all parties involved and some suggestions are given for further research to improve the quality of future teachers in the future.

## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	vix
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Pernyataan masalah	5
	1.4 Tujuan kajian	6
	1.5 Objektif kajian	7
	1.6 Persoalan kajian	7
	1.7 Hipotesis kajian	8
	1.8 Skop kajian	9
	1.9 Batasan kajian	9
	1.10 Kepentingan kajian	10
	1.11 Kerangka Kajian	10
	1.12 Definisi istilah dan pengoperasian	11

1.13	Rumusan	14
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.2	Keyakinan diri	15
2.3	Elemen-elemen keyakinan	17
2.3.1	Keyakinan diri sendiri	17
2.4	Putaran Keyakinan	18
2.5	Faktor utama kurang keyakinan diri	19
2.6	Enam langkah membina keyakinan diri	20
2.6.1	Keyakinan diri berdasarkan jantina	21
2.6.2	Keyakinan diri berdasarkan bidang pengkhususan	22
2.6.3	Keyakinan diri berdasarkan pencapaian akademik	23
2.7	Information Communication System (ICT)	24
2.8	ICT dalam pendidikan	25
2.9	Kajian Lepas	27
2.10	Rumusan	30
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>31</b>
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka bentuk kajian	32
3.3	Kerangka kerja operasi	32
3.4	Populasi dan sampel kajian	34
3.5	Lokasi kajian	34
3.6	Instrumen kajian	35
3.6.1	Borang soal selidik	36
3.6.2	Kesahan soal selidik	36
3.6.3	Kebolehpercayaan	37
3.7	Kajian rintis	38
3.8	Pemboleh ubah kajian	39
3.9	Pengumpulan data	40

3.9.1	Pembentukan soal selidik	41
3.9.2	Skala pengukuran	41
3.10	Analisis data	42
3.10.1	Analisis data soal selidik	42
3.10.2	Pemilihan kaedah analisis data	44
3.11	Carta gantt	45
3.12	Rumusan	46
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	<b>47</b>
4.1	Pengenalan	47
4.2	Pengedaran dan pengumpulan soal selidik	48
4.3	Analisis kebolehpercayaan	49
4.4	Bahagian A: Maklumat demografi	49
4.4.1	Taburan responden mengikut jantina	50
4.4.2	Taburan responden mengikut umur	50
4.4.3	Taburan responden mengikut ijazah sarjana muda	51
4.4.4	Taburan responden mengikut bidang semasa DPLI	52
4.5	Bahagian B: Tahap keyakinan diri	52
4.5.1	Tahap keyakinan mengikut jantina	55
4.5.2	Tahap keyakinan mengikut umur	56
4.5.3	Tahap keyakinan mengikut ijazah sarjana muda	58
4.5.4	Tahap keyakinan mengikut umur bidang semasa DPLI	59
4.5.4	Pengaruh keyakinan terhadap pencapaian	61
4.6	Rumusan	63
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>64</b>
5.1	Pendahuluan	64
5.2	Perbincangan dan rumusan kajian	64
5.2.1	Maklumat peribadi responden	65
5.2.2	Tahap keyakinan pelajar DPLI terhadap ICT	66

5.2.3	Perbezaan tahap keyakinan mengikut jantina	68
5.2.4	Perbezaan tahap keyakinan mengikut umur	69
5.2.5	Perbezaan tahap keyakinan mengikut Ijazah sarjana muda	69
5.2.6	Perbezaan tahap keyakinan mengikut Bidang DPLI	70
5.2.7	Hubungan tahap keyakinan dengan pencapaian pelajar	71
5.3	Cadangan	72
5.3.1	Cadangan kepada pelajar	73
5.3.2	Cadangan kepada pensyarah	74
5.3.3	Cadangan kepada UTHM	75
5.3.4	Cadangan untuk kajian lanjutan	76
5.5	Penutup	77
	<b>RUJUKAN</b>	78
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

3.1	Jumlah pelajar DPLI	34
3.2	Spesifikasi Skala Likert	35
3.3	Kesahan soal selidik	37
3.4	Interpretasi skor alpha cronbach	38
3.5	Nilai kebolehpercayaan kajian rintis	39
3.6	Nilai skor skala likert	41
3.7	Skala pengukuran	42
3.8	Skor min berdasarkan keyakinan	43
3.9	Spesifikasi kekuatan korelasi	44
3.10	Analisa data berdasarkan persoalan kajian	45
4.1	Butiran pengedaran dan penerimaan borang soal selidik	49
4.2	Taburan responden mengikut jantina	50
4.3	Taburan responden mengikut umur	51
4.4	Taburan responden mengikut ijazah sarjana muda	51
4.5	Jumlah responden	52
4.6	Takrifan Min	53
4.7	Nilai min bagi tahap keyakinan pelajar	53
4.8	Ujian-t terhadap jantina	56
4.9	Analisi varian satu hala mengikut umur	57
4.10	Tahap keyakinan mengikut umur	57
4.11	Analisis varian satu hala mengikut ijazah sarjana muda	59
4.12	Tahap keyakinan pelajar mengikut ijazah	59



	sarjana muda	
4.13	Analisis varian satu hala mengikut bidang semasa DPLI	60
4.14	Tahap keyakinan pelajar mengikut bidang DPLI	61
4.15	Analisis hubungan keyakinan dengan pencapaian pelajar	62
4.16	Pekali korelasi	62

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka konsep	11
2.1	Putaran keyakinan	18
3.1	Kerangka kerja operasi	33
3.2	Pemboleh ubah kajian	40

**SENARAI SINGKATAN**

<b>BPG</b>	Bahagian Pendidikan Guru
<b>DPLI</b>	Diploma Pendidikan Lepas Ijazah
<b>GSTT</b>	Guru Sandaran Tidak Terlatih
<b>ICT</b>	Information and Communication Technology
<b>IT</b>	Information Technology
<b>IPG</b>	Institut Pendidikan Guru
<b>KDA</b>	Keyakinan Diri Akademik
<b>KDU</b>	Keyakinan Diri Umum
<b>MSC</b>	Multimedia Super Coridor
<b>P&amp;P</b>	Pengajaran dan Pembelajaran
<b>SPSS</b>	Statistical Package For Social Science
<b>UTHM</b>	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

- A Carta Gantt
- B Subjek Teknologi dan Inovasi Dalam Pendidikan
- C Jadual Krejcie dan Morgan
- D Borang soal selidik
- E Pengesahan soal selidik
- F Surat Kementerian Pengajian Tinggi
- G Surat FPTV
- H Nilai kebolehpercayaan kajian sebenar
- I Keputusan skor min
- J Keputusan Ujian-t
- K Keputusan Anova (Umur)
- L Keputusan Anova (Ijazah sarjana muda)
- M Keputusan Anova (DPLI)
- N Keputusan Korelasi Spearman

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi semakin penting dalam perkembangan pendidikan hari ini. Penggunaan teknologi ini bukan sahaja menjimatkan masa dan penggunaan tenaga, malah memudahkan capaian maklumat kerana ia bergerak dan berlaku dalam ruang siber atau maya yang tiada lokasi khusus. Menerusi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar perbelanjaan pendidikan negara bagi menambahbaik infrastruktur dan prasarana di samping meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan menerusi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Negara Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun telah mensasarkan status negara maju menjelang tahun 2020. Dalam Konteks pendidikan di Malaysia, bagi merealisasikan Wawasan 2020 kerajaan tidak mahu ketinggalan dalam arus pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Ismail, M. A & Mahmud, R. (2003) menyatakan ICT adalah pengupaya yang menjadi tunjang penting dalam urusan P&P dan pengurusan sekolah. Justeru, pihak kerajaan melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesediaan dan penggunaan ICT dalam kalangan guru dan pelajar dengan kemahiran-kemahiran teknologi terkini. Antaranya ialah langkah kerajaan mewujudkan sekolah-sekolah bestari, iaitu program yang dikemukakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia pada 28 Julai 1997 sebagai salah satu daripada tujuh Aplikasi Perdana *Multimedia Super Corridor*.

Objektifnya adalah untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di samping menyediakan tenaga kerja yang berpemikiran dan celik teknologi untuk memenuhi kehendak abad ke-21.

Dasar ini akan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang mempunyai kemampuan ICT yang terunggul dan menjadi pemangkin kepada pembangunan media elektronik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Peranan teknologi maklumat dalam pembangunan negara dinyatakan dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 - 2000). Menurut dasar ini: “Kemunculan Era Maklumat telah menjadi penyumbang utama kepada kejayaan persaingan antarabangsa telah meletakkan teknologi maklumat (IT) di kedudukan yang penting dalam pembangunan sosio ekonomi negara. IT telah diakui sebagai satu teknologi penggerak yang strategik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia dan juga meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), pelaburan yang besar telah disalurkan bagi menyediakan infrastruktur asas IT sebagai langkah ke arah menubuhkan rangkaian kemudahan dan perkhidmat yang canggih.”

Tema hari guru 2011 “Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara” ini telah mengingatkan pentingnya peranan guru sebagai penjana transformasi pendidikan negara yang memikul semua perancangan pendidikan dirancang kerajaan. Mereka bukan hanya berperanan mendidik, malah melakukan transformasi seiring aspirasi negara seterusnya melaksanakan matlamat Hari Guru. Bagi mencapai usaha ini, guru perlu menerapkan kaedah baru dalam pembelajaran kerana masa depan negara bergantung kepada keupayaan guru melahirkan generasi berkemahiran dan memenuhi cita rasa bangsa dan negara. Justeru, sempena Hari Guru tahun 2011, perhatian khusus kepada usaha meningkatkan kemahiran guru terutama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) agar mereka lebih kreatif dan inovatif dalam teknik pembelajaran di samping memiliki ilmu dan pengetahuan lebih luas. (Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Adnan Hashim dalam Berita Harian, 2011).

## 1.2 Latar belakang masalah

Sistem pendidikan di Malaysia yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara, pendidikan bertujuan memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Falsafah Pendidikan Negara, yang berhasrat melahirkan masyarakat berakhlak mulia dan sempurna yang seterusnya akan menjadi warganegara yang baik serta memiliki ciri-ciri seperti mempercayai dan mematuhi Tuhan, berilmu pengetahuan, berketerampilan, bermoral tinggi, bersahsiah, seimbang, bersedia menyumbang kepada diri, agama, bangsa, masyarakat, dan Negara (Ee, A. M. , 1999).

Berdasarkan portal rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), terdapat bahagian yang menguruskan hal ehwal pendidikan guru yang dikenali sebagai Bahagian Pendidikan Guru (BPG) di mana fungsinya mengendalikan program Pendidikan Perguruan Pra-perkhidmatan dan Kursus Dalam Perkhidmatan. Program pendidikan keguruan berhasrat untuk memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru untuk melahirkan guru yang profesional, berketerampilan, berdaya tahan, berakhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni, berdaya fikir dan cekap teknologi. Penstrukturan semula Kementerian Pelajaran Malaysia berdasarkan kepada tiga fungsi dimana BPG merupakan satu bahagian dalam fungsi Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan memantau Pengurusan Pendidikan Keguruan (PPK) yang dilaksanakan oleh Institut Pendidikan Guru (IPG). (KPM, 2012)

Tanggung jawab penggubalan dasar dan garis panduan latihan perguruan, pemilihan calon pelatih dan peserta kursus dan merancang serta menyelaras program kemajuan staf turut dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Antara program dan kursus yang dijalankan ialah:

- (i) Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM).
- (ii) Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI).
- (iii) Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG).

Kewujudan Fakulti Pendidikan Teknikal adalah memberikan pendedahan kepada pelajar tentang pengetahuan teori dan praktis di bidang Teknikal dan Vokasional serta Kejuruteraan, sahsiah dan akhlak yang mulia juga dipupuk dalam menjamin tahap profesionalisme yang tinggi. Fakulti Pendidikan Teknikal juga menawarkan kursus-kursus pendidikan kepada fakulti-fakulti lain di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) untuk melahirkan tenaga pensyarah profesional di bidang teknikal kejuruteraan. Fakulti Pendidikan Teknikal mempunyai staf yang memiliki pelbagai latar belakang pengkhususan teknikal di samping ilmu pendidikan yang boleh menyumbangkan kepakaran mereka dalam kerja-kerja pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.

Selain menawarkan kursus-kursus pendidikan, Fakulti Pendidikan UTHM turut melatih Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dalam program yang dinamakan Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI). DPLI ialah kursus yang ditawarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memberi peluang kepada graduan-graduan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang untuk menceburi profesion perguruan bagi menampung kekurangan guru. Kursus ini dijalankan selama setahun di maktab-maktab perguruan dan institusi pendidikan di seluruh Malaysia. Fakulti ini menawarkan empat kursus elektif untuk pelajar DPLI iaitu elektif ekonomi rumah tangga, lukisan kejuruteraan, kemahiran teknikal, dan teknologi maklumat dimana keseluruhan pelajarinya berjumlah 455 orang. Hampir separuh pelajar mengambil elektif kemahiran teknikal iaitu terdiri daripada 255 orang pelajar, diikuti pula elektif teknologi maklumat yang mempunyai empat seksyen dan jumlah pelajarinya 132 orang. Elektif ekonomi rumah tangga mempunyai seramai 49 orang pelajar dan yang paling sedikit ialah elektif lukisan kejuruteraan yang terdiri daripada 19 orang pelajar. Pelajar ini terdiri daripada latar belakang bidang ijazah pertama berbeza-beza sama ada berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi mahupun lain-lain bidang.

Menerusi Pelan Menerusi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar perbelanjaan pendidikan negara bagi menambahbaik infrastruktur dan prasarana di samping meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan menerusi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Di antara salah satu matlamat pelan adalah merapatkan jurang digital dengan menyediakan kemudahan ICT antara lokasi dan meningkatkan kemahiran ICT dikalangan guru dan pelajar (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, 2006). Dalam rancangan



Malaysia ke -9, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah 28.8% dari peruntukkan ICT negara bagi tujuan merapatkan jurang digital masyarakat. Menerusi pelan ini juga kerajaan telah merancang untuk:

- (i) Menyediakan infrastruktur seperti makmal atau bilik komputer, perkakasan seperti komputer, komputer riba, projektor LCD dan pelayan (*server*).
- (ii) Membangunkan perisian khusus dan program TV Pendidikan bagi membantu P & P.
- (iii) Melatih guru bagi meningkatkan kompetensi mengintegrasikan ICT dalam P & P.
- (iv) Melatih pentadbir sekolah menggunakan ICT dalam pengurusan.

Oleh itu setiap bakal pendidik perlu melengkapkan diri untuk tuntutan teknologi pada masa kini. Kemahiran ICT merupakan satu bentuk kemahiran yang memerlukan pengguna sentiasa berubah mengikut peredaran semasa. Latihan dan amalan yang berterusan amat diperlukan bagi memastikan kemahiran ICT ini dapat terus diguna dan melahirkan guru cekap teknologi.

### **1.3 Penyataan masalah**

Senario pendidikan kini amat memerlukan guru-guru pelatih yang berijazah lebih kreatif dan inovatif supaya pengajaran dan pembelajaran mereka adalah efektif. Kreatif bermaksud kebolehan seseorang mencipta, menghasilkan dan memperkembangkan sesuatu. Inovatif pula ialah kebolehan seseorang untuk memulakan sesuatu yang baru sama ada dalam bentuk kaedah, sistem pendekatan atau sebagainya. Ketandusan unsur kreatif dalam pengajaran menyebabkan pelajar berasa bosan, jemu dan tidak berminat dengan pembelajaran guru. Malah ketandusan inovasi dan pembaharuan yang berterusan dalam mana-mana subjek di sekolah menyebabkan pelajar merasakan sesuatu subjek itu stereotaip, tidak mencabar, statik dan membosankan (PPK, 2004).

Seperti dimaklumi, keyakinan diri adalah sangat penting dalam kehidupan seseorang untuk berjaya terhadap sesuatu perkara. Menurut Yeung (2008), keyakinan adalah mengenai apa yang kita lakukan dalam jangka masa pendek untuk mencapai

matlamat jangka masa panjang, walaupun keadaan ketika jangka masa pendek dilihat tidak menyenangkan. Melalui tema guru 2011, perhatian khusus telah diberikan kepada usaha meningkatkan kemahiran guru terutama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) agar mereka lebih kreatif dan inovatif dalam teknik pembelajaran di samping memiliki ilmu dan pengetahuan lebih luas (Adnan Hashim, 2011). Oleh itu guru harus memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh menarik minat serta mencabar kebolehan pelajar, merangsang pembelajaran dan menyeronokkan, berjaya melepaskan horizon intelektual, sosial, moral, kerohanian dan mewujudkan perspektif positif seperti merasa penting untuk dipelajari serta berguna untuk masa hadapan.

Walaupun bidang teknologi komputer tidak asing lagi bagi generasi guru pada masa kini, tetapi terdapat beberapa subjek ICT yang memerlukan kemahiran untuk guru tampil lebih kreatif dan inovatif. Bakal-bakal pendidik perlu melengkapkan diri dengan kemahiran ICT supaya tidak ketinggalan dan terbelakang daripada pelajar. Namun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan terdapat sebahagian guru masih tidak menggunakan teknologi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Kajian juga menunjukkan kegagalan ini berpunca dari ketidakmahiran guru ( Ahmad, N. , 2003). Oleh kerana bidang pengkhususan ijazah pertama pelajar DPLI adalah berbeza-beza, maka pengetahuan sedia ada adalah berlainan dalam diri setiap pelajar ketika disalurkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran subjek ICT di dalam kelas. Justeru keyakinan mereka dalam proses pembelajaran subjek ICT dirasakan meragukan. Penyelidikan ini bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan maklumat mengenai tahap keyakinan diri pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah terhadap bidang ICT.

#### **1.4 Tujuan kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap keyakinan diri di kalangan pelajar DPLI terhadap ICT. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti adakah terdapat perbezaan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan jantina, umur, bidang pengkhususan semasa Ijazah Sarjana

Muda dan DPLI, serta pencapaian dalam kursus Teknologi dan Inovasi Dalam Pendidikan.

### **1.5 Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah merujuk kepada:

- (i) Menenalpasti tahap keyakinan pelajar terhadap ICT.
- (ii) Menenalpasti perbezaan tahap keyakinan pelajar terhadap ICT berdasarkan jantina dan umur.
- (iii) Menenalpasti perbezaan tahap keyakinan pelajar terhadap ICT berdasarkan bidang pengkhususan pelajar semasa Ijazah Sarjana Muda.
- (iv) Menenalpasti perbezaan tahap keyakinan pelajar terhadap ICT berdasarkan bidang pengkhususan semasa DPLI.
- (v) Menenalpasti hubungan antara keyakinan diri dengan pencapaian pelajar dalam kursus teknologi dan inovasi dalam pendidikan.

### **1.6 Persoalan kajian**

Secara khususnya, kajian ini berhasrat untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

- (i) Apakah tahap keyakinan pelajar terhadap ICT?
- (ii) Apakah terdapat perbezaan tahap keyakinan pelajar terhadap ICT berdasarkan jantina?
- (iii) Apakah terdapat perbezaan tahap keyakinan pelajar terhadap ICT berdasarkan umur?
- (iv) Apakah terdapat perbezaan tahap keyakinan pelajar terhadap ICT berdasarkan bidang pengkhususan pelajar semasa Ijazah Sarjana Muda?
- (v) Apakah terdapat perbezaan tahap keyakinan pelajar terhadap ICT berdasarkan bidang pengkhususan semasa DPLI?

- (vi) Adakah terdapat perhubungan antara keyakinan diri dengan pencapaian pelajar dalam kursus teknologi dan inovasi dalam pendidikan?

### **1.7 Hipotesis kajian**

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

Ho (1): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan jantina.

Ha(1): Terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan jantina.

Ho(2): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan umur.

Ha(2): Terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan umur.

Ho(3): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan bidang pengkhususan semasa Ijazah Sarjana Muda.

Ha(3): Terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan bidang pengkhususan semasa Ijazah Sarjana Muda.

Ho(4): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan bidang pengkhususan semasa DPLI.

Ha(4): Terdapat perbezaan yang signifikan tahap keyakinan diri pelajar DPLI terhadap ICT berdasarkan bidang pengkhususan semasa DPLI.

Ha(5): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keyakinan diri dengan pencapaian dalam kursus teknologi dan inovasi dalam pendidikan.

Ha(5): Terdapat perbezaan yang signifikan antara keyakinan diri dengan pencapaian dalam kursus teknologi dan inovasi dalam pendidikan.

## **1.8 Skop kajian**

Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap keyakinan diri di kalangan pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah yang terdiri daripada elektif ekonomi rumah tangga, kemahiran teknikal, teknologi maklumat, dan lukisan kejuruteraan di Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Johor. Responden yang terdiri daripada 210 orang pelajar mempunyai latar belakang pengajian ijazah pertama dalam bidang yang berbeza-beza. Tinjauan hanya tertumpu kepada tahap keyakinan diri mereka melalui subjek ICT iaitu kursus teknologi dan inovasi dalam pendidikan seperti yang terdapat di **LAMPIRAN B**.

## **1.9 Batasan kajian**

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah mengambil kira beberapa perkara bagi membatasi kajian. Ketepatan maklumat adalah bergantung kepada kefahaman, kerjasama, serta kejujuran responden menjawab soalan-soalan yang terkandung dalam borang soal selidik. Kajian ini hanya dijalankan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Responden yang terlibat terdiri daripada pelajar GSTT untuk semua elektif yang ditawarkan bagi program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah bagi sesi 2012/2013. Subjek ICT yang terlibat ialah kursus Teknologi dan Inovasi Dalam Pendidikan.

### **1.10 Kepentingan kajian**

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu:

(i) Kerajaan dan Institusi Pendidikan Di Malaysia

Semoga hasil kajian ini menjadi asas kepada kajian-kajian berikutnya bagi memastikan perkara-perkara yang berkaitan dapat dipertingkatkan untuk memenuhi hasrat Kementerian Pelajaran seterusnya memenuhi matlamat pendidikan negara. Perhatian khusus kepada usaha meningkatkan kemahiran guru terutama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) agar mereka lebih kreatif dan inovatif dalam teknik pembelajaran di samping memiliki ilmu dan pengetahuan lebih luas demi mencapai matlamat tema hari guru 2011 “Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara”.

(ii) Masyarakat


Memberi keyakinan kepada ibu bapa dan masyarakat tentang latihan yang diberikan oleh guru kepada anak – anak mereka adalah bersesuaian dengan tuntutan teknologi terkini bagi memudahkan pemahaman anak-anak mereka dalam pembelajaran.

(iii) Pelajar

Pelajar dapat menikmati kelebihan ICT antaranya ialah dengan mudah gambaran dapat digunakan untuk pengajaran dan meningkatkan memori pelajar. Melalui ICT, dengan mudah pengajar dapat menjelaskan arahan kompleks untuk pemahaman pelajar serta pengajar boleh membuat sesi interaktif dan membuat pelajaran lebih menarik, yang boleh meningkatkan kehadiran pelajar serta konsentrasi.

### **1.11 Kerangka kajian**

Kerangka konsep ialah untuk menjelaskan secara grafik atau dalam bentuk cerita tentang kajian yang bakal dikaji. Berikut adalah kerangka konsep untuk kajian ini.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep (Sumber: Ibrahim, S. 2005)

Daripada rajah 1.1, kerangka kajian ini di olah mengikut Model Pengajaran SIM yang diasaskan oleh Sim. Subjek ICT terdiri daripada teknologi dan inovasi dalam pendidikan. Manakala jantina, umur, bidang pengkhususan semasa ijazah sarjana muda dan DPLI juga turut dipilih dalam mengkaji keyakinan pelajar dalam bidang pengajian ICT.

### 1.12 Definisi istilah dan pengoperasian

Bahagian ini akan menerangkan maksud item-item yang penting yang terlibat di dalam kajian ini. Ia membantu memudahkan para pembaca agar dapat memahami bentuk kajian yang dijalankan ini. Definisi konsep dirujuk sebagai definisi teori harus bersandarkan pada sesuatu teori atau telah diperkukuhkan oleh kajian-kajian lepas. Ia memberi maksud yang lebih abstrak atau umum. Beberapa istilah telah

digunakan dalam menerangkan dengan lebih terperinci aspek-aspek yang berkaitan yang telah digunakan dalam kajian ini ialah:-

(i) ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)

ICT adalah singkatan daripada Information and Communication Technology (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) yang bermaksud cara di mana kombinasi teknologi maklumat dan teknologi komunikasi boleh membantu manusia dan organisasi (Doyle, S., 2001). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan bermaksud menggunakan ICT secara berfikir, terancang dan bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan proses dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Teknologi maklumat mempunyai beberapa maksud daripada beberapa tokoh. Pertama, teknologi maklumat merupakan kebolehan mencipta, menyimpan, dan menyebarkan data serta maklumat dalam penciptaan ilmu pengetahuan (James, A.S., 1998). Kedua, teknologi maklumat terdiri daripada semua bentuk teknologi yang terlibat dalam pengumpulan, manipulasi, komunikasi, persembahan dan menggunakan data (data yang ditransformasi kepada maklumat). Teknologi komunikasi pula ialah komunikasi yang menggunakan pengetahuan, peralatan dan kemahiran (Sanders, M., 1997). Antara kelebihan ICT ialah dengan mudah gambaran dapat digunakan untuk pengajaran dan meningkatkan memori pelajar. Melalui ICT, dengan mudah pengajar dapat menjelaskan arahan kompleks untuk pemahaman pelajar serta pengajar boleh membuat sesi interaktif dan membuat pelajaran lebih menarik, yang boleh meningkatkan kehadiran pelajar serta konsentrasi. Dalam kajian ini ICT merujuk kepada subjek yang diambil oleh pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

(ii) Komputer

Menurut Merrill (1986), komputer adalah mesin memproses maklumat yang perlu diberikan arahan oleh pengguna. Arahan ini boleh disampaikan menerusi peralatan input seperti papan kekunci, pengimbas (scanner), kad, joystick, tetikus, pad grafik dan unit pemrosesan pusat (CPU). Komputer ialah alat atau mesin automatik yang boleh menerima arahan, memproses arahan tersebut, menyimpan semua maklumat untuk kegunaan kemudian dan



seterusnya mengeluarkan satu keputusan untuk tatapan kita. Segala maklumat yang diterima oleh komputer dipanggil input dan maklumat atau keputusan yang dihasilkan dikenali sebagai output. Komputer mempunyai ingatan supaya boleh menyimpan maklumat dan memanggilnya kembali pada bila-bila masa apabila diperlukan. Dalam konteks kajian, komputer merujuk kepada alat yang digunakan untuk penggunaan ICT.

(iii) Pelajar

Merupakan orang atau individu yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, pelajar merupakan individu yang mengikuti pengajian diploma pendidikan lepasan ijazah dalam semua bidang elektif yang ditawarkan di UTHM. Kajian ini memberikan kepentingan kepada pelajar DPLI yang menjawab borang soal selidik yang diberi. Pelajar ini juga dikenali sebagai individu yang menyampaikan ilmu dan mengajarkan ilmu kepada pelajar pada masa mendatang.

(iv) Keyakinan diri

Menurut Adil, A.R. (2003), keyakinan diri ialah kepercayaan kepada dirinya sendiri manakala menurut Yeung, R. (2008) pula, keyakinan diri itu ialah kebolehan untuk mengambil tindakan yang sesuai dan berkesan walaupun cabaran datang pada ketika itu. Keyakinan diri dalam kajian ini merujuk kepada kepercayaan kepada diri setiap pelajar dalam menghadapi ICT semasa proses pembelajaran dan pengajaran.

(v) Pengajaran dan pembelajaran

Ibrahim, S. (2005) menyatakan bahawa pengajarandan pembelajaran (P&P) merujuk kepada satu sistem aktiviti di antara dua pihak iaitu dan pelajar yang melibatkan proses memberi dan menerima sesuatu perkara baru oleh guru kepada pelajar. Di dalam kajian ini, pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sepanjang tempoh pengajian pelajar DPLI.

### **1.13 Rumusan**

Kesimpulannya, bab 1 telah membincangkan mengenai hala tuju kajian ini. Bab ini telah dimulai dengan pengenalan kajian. Selain itu, ia juga turut membincangkan dengan lebih mendalam mengenai latar belakang masalah dan pernyataan masalah kajian ini. Kepentingan kajian, objektif kajian, dan persoalan kajian juga telah dinyatakan dalam bab ini. Bab ini juga turut membincangkan skop kajian, batasan kajian, definisi istilah, dan kerangka teoritikal yang dapat membantu penyelidik semasa melakukan kajian. Penerangan tentang bab ini akan dilanjutkan kepada bab seterusnya yang menghuraikan tentang literatur mengenai kajian ini.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan aspek-aspek penting dalam pembacaan literatur yang merangkumi keyakinan diri, elemen-elemen keyakinan diri, putaran keyakinan, sebab utama kurang keyakinan diri, enam langkah membina keyakinan diri, definisi ICT, dan ICT dalam pendidikan. Dalam bab ini juga dikemukakan tinjauan ke atas bahan-bahan penyelidikan termasuklah kajian-kajian lepas yang berkaitan.

#### **2.2 Keyakinan diri**

Keyakinan diri merupakan faktor penting dalam proses kehidupan seharian. Tanpa keyakinan diri yang cukup, seseorang individu itu tidak akan menghargai diri mereka, kerja mereka, kemampuan mereka, dan tanpa keyakinan diri akan menyebabkan seseorang itu sukar berjaya dalam hidup mereka. Ramai para akademik telah melihat bahawa pelajar yang tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi biasanya tidak mempunyai kehendak dan kurang mengarahkan diri untuk mencapai potensi diri sepenuhnya dan cuba mencapai kecemerlangan dalam akademik (Anthony, R. 2000).

Keyakinan diri merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan, kegembiraan dalam hubungan sesama manusia, karier dan pelbagai lagi bidang dalam kehidupan. Keyakinan diri juga merupakan faktor yang boleh mempengaruhi

emosi seperti kemurungan, kebimbangan dan kemarahan. Didapati bahawa masalah utama yang sering dirujuk oleh pakar psikologi berkenaan pelajar adalah kurangnya kelemahan dalam keyakinan diri. Keyakinan diri merujuk kepada cara bagaimana seseorang itu berfikir tentang diri mereka (Stewart, W. 2000).

Menurut Nordin dan Abdul Rani (1995), kurangnya keyakinan seseorang itu boleh mengakibatkan kebimbangan dan kerisauan yang mungkin akan mengakibatkan gangguan di dalam menjalankan apa juga jenis pekerjaan. Mengikut Mohd Shariff, M.S. (1999), keyakinan diri seseorang itu akan bertambah jika mereka dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali tentang apa yang hendak dilakukan.

Keyakinan diri itu ialah kepercayaan kepada diri sendiri. Dalam erti kata lainnya dia akan yakin berjaya, yakin menang dan seribu keyakinan positif mesti ada dalam hati (Adil, A.R. 2003). Keyakinan diri adalah percampuran dari pemikiran dan perasaan keyakinan terhadap diri dengan erti kata lain merasakan dengan baik akan keyakinan terhadap diri, atau berfikir dan bertindak atas dasar bahawa diri sendiri mempunyai nilai dan berbagai pekerjaan, rumah tangga, ahli keluarga dan persahabatan (Al-Aqsar, Y. 2005).

Keyakinan diri ialah kualiti yang amat diinginkan dan agak susah untuk diukur, terutamanya dalam diri orang lain (Litvinoff, S. 2005). Keyakinan adalah keadaan fizikal yang boleh dirangsang atau diciptakan, oleh peneguhan atau pemerintah yang berkesinambungan pada fikiran bawah sedar, menerusi prinsip dorongan peribadi (Adil, A.R 2003). Hal ini menjelaskan bahawa sesuatu pemikiran yang berterusan kepada pemikiran dibawah sedar akhirnya diterima dan dijadikan landasan tindakan.

Keyakinan diri bukanlah mengenai perasaan dalaman sahaja semata-mata. Keyakinan diri sememangnya membuatkan seseorang itu merasa percaya dan merasa kebaikan tentang diri sendiri. Tetapi perasaan takut kadang-kadang tetap ada. Orang yang berkeyakinan juga masih berasa takut tentang kerja projek yang penting atau masalah peribadi yang dihadapi (Yeung, R. 2008).

Oleh itu, boleh disimpulkan di sini keyakinan adalah kepercayaan pada diri sendiri. Dimana setiap tindakan yang kita ambil memerlukan keyakinan terhadap diri yang tinggi untuk berjaya. Keyakinan ialah bagaimana seseorang itu bertindak dalam mengatasi masalah yang dihadapi. Keyakinan ialah perasaan dalaman yang boleh dipupuk dan disemai agar kita lebih percaya pada kemampuan diri sendiri. Justeru,

yang membezakan antara seseorang yang berkeyakinan tinggi dengan seseorang yang kurang berkeyakinan ialah cara bagaimana seseorang itu mengatasi masalah takut mereka dan bagaimana dia menghadapinya.

### **2.3 Elemen-elemen keyakinan**

Berdasarkan laman web *total self-improvement*, kemahiran keyakinan diri boleh dipelajari dan membina keyakinan diri adalah sesuatu yang boleh anda capai. Kepuasan yang lebih besar di alami dalam hubungan peribadi, kejayaan di tempat kerja pada tahap yang lebih tinggi dan mempunyai perasaan keseluruhan yang lebih baik mengenai diri anda dan kehidupan anda. Keyakinan diri dan harga diri adalah berkait rapat. Terdapat sekurang-kurangnya lima cara keyakinan diri menonjolkan dalam kehidupan kita. Setiap satu daripada elemen-elemen ini menyumbang kepada tahap keyakinan anda. Elemen-elemen tersebut ialah:

- (i) Keyakinan sosial.
- (ii) Keyakinan dengan rakan-rakan.
- (iii) Keyakinan dengan orang lain.
- (iv) Keyakinan untuk melaksanakan.
- (v) Keyakinan dalam diri kita.

#### **2.3.1 Keyakinan dalam diri sendiri**


Yakin dalam diri sendiri adalah kita benar-benar tahu siapa diri kita dan untuk menonjolkan kehadiran diri tanpa sebarang rasa kebimbangan. Ia adalah keupayaan untuk menghimpun orang ramai atas sebarang sebab. Membina keyakinan dalam diri akan membawa kepada kita mengunjurkan kehadiran lebih kuat kemana pun kita pergi. Tidak untuk lebih berkuasa sebaliknya, berpengaruh. Dengan menonjolkan imej yang positif, kita juga akan mempengaruhi persepsi dalaman kita tentang diri kita.

Meningkatkan keyakinan dalam diri kita membangunkan kitaran peningkatan diri sendiri. Imej luaran yang positif dan bahasa badan menghasilkan tahap yang lebih besar daripada diri sendiri, di peringkat separuh sedar, yang memperkukuhkan postur luaran kita. Dengan tahap keyakinan dalam diri yang sihat, kita akan menjadi lebih serius di tempat kerja, di rumah dan di kalangan rakan-rakan anda. Secara semula jadinya akan bergerak ke hadapan apabila inisiatif kepimpinan diperlukan.

Justeru elemen keyakinan diri perlu dititikberatkan dalam setiap diri individu. Ketakutan merupakan sebab kepada inividu merasa tidak yakin. Keyakinan merupakan perasaan yang boleh dipupuk oleh diri individu itu sendiri.

#### 2.4 Putaran keyakinan

Putaran keyakinan ialah mengenai apa yang kita buat, fikir dan rasa. Pakar psikologi telah mengetahui bahawa apa yang kita buat, fikir dan rasa mempunyaikaitan antara satu sama lain seperti dalam bentuk putaran berterusan. Contohnya seseorang yang merasa takut untuk menghadiri jamuan seorang diri. Dia akan mengambil keputusan untuk duduk dirumah sahaja dimana dia memikirkan dia akan keseorangan untuk selama-lamanya dan membuatkan dia rasa kurang keyakinan serta tidak gembira (Yeung, R. 2008).



Rajah 2.1 : Putaran Keyakinan (Yeung, R. 2008)

Perkara yang sama dinyatakan oleh Al-Aqsar, Y. (2005) dimana perasaan-perasaan manusia yang negatif terhadap diri, amalan dan hubungan-hubungannya menjadikan keyakinan dirinya menurun. Jika seseorang fikir bahawa dia adalah seseorang yang lemah, maka dengan memikirkan dia seseorang yang lemah akan menyebabkan dia merasa kurang berkeyakinan dalam melakukan sesuatu. Hal ini menyebabkan dia tidak banyak melibatkan diri dengan aktiviti, tidak mampu untuk mencuba sesuatu yang baru dan menghabiskan masa dengan menyalahkan diri sendiri.

Oleh itu, keyakinan diri melibatkan perkara-perkara yang kita fikir, rasa dan buat. Dalam putaran keyakinan ketiga-tiga perkara ini berkaitan antara satu sama lain. Dimana kita akan melakukan sesuatu berdasarkan apa yang kita fikir. Kita akan fikir tentang apa yang kita rasa dengan apa yang kita lakukan atau buat.

## **2.5 Faktor utama kurang keyakinan diri**

Semua manusia mempunyai keyakinan diri dan yang membezakan mereka ialah tahap keyakinan diri mereka, sama ada berada pada tahap yang tinggi, sederhana ataupun rendah. Namun, setiap manusia mampu memiliki keyakinan diri yang tinggi. Mereka harus bijak dalam mengatasi masalah keyakinan diri yang dihadapi oleh mereka.

Punca utama seseorang itu kurang keyakinan diri kerana mereka tidak mengetahui kelebihan mereka dan tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi. Menurut Lumpkin, A. (2006), kita sememangnya tidak mengetahui keupayaan diri kita banyak menghabiskan masa dengan memikirkan perkara-perkara yang negatif dan takut untuk mencuba perkara yang baru. Hal ini disokong oleh Adil, A.R. (2003) yang menyatakan bagi mereka yang gagal sebenarnya mempunyai keyakinan diri, namun masih terbayang kegagalan, sangsi dan tidak percaya pada diri sendiri.

Perkara yang paling jelas sekali ialah berapa banyak kita cuba untuk belajar berkomunikasi di hadapan orang ramai. Kebanyakan kita tidak pernah untuk mencuba mengatasi ketakutan bercakap di hadapan orang ramai. Kita sibuk memikirkan tentang apa yang akan berlaku daripada mencuba untuk melakukannya (Lumpkin, A. 2006). Hal ini sama seperti untuk mendapatkan peluang pekerjaan,

mendapatkan kawan, mempelajari kemahiran yang baru dan sebagainya. Menurut Sandhu, G.S. (2003) setiap detik kehidupan merupakan peluang untuk menimba pengalaman dan kita tidak dapat mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan.

Justeru, jika kita inginkan sesuatu perbezaan, kita harus mengambil langkah yang paling hampir dan kecil untuk mara hadapan bersama-sama kejayaan. Kita harus cuba mengambil langkah yang kecil dahulu sebelum melangkah ke tindakan yang lebih besar. Contohnya seperti atasi ketakutan berkomunikasi di hadapan orang ramai dahulu sebelum melangkah kepada perkara yang kita inginkan.

## **2.6 Enam langkah membina keyakinan diri**

Menurut Yeung, R. (2008) manusia kurang berkeyakinan kerana banyak faktor seperti pengalaman semasa kecil, umur, baka dan sebagainya. Namun seseorang itu harus melupakan pengalaman yang lepas dan memikinya masa hadapan dan sekarang. Hal ini kerana keyakinan amat berguna jika kita mahu terus berjaya.

Menurut Yeung, R. (2008) terdapat enam langkah untuk membina keyakinan. Antara langkah-langkahnya ialah seperti berikut:

- (i) Ketetapan pemikiran dan kepercayaan.

Menurut pakar psikologi, sebenarnya kita tidak boleh mengubah cara kita berfikir. Kita boleh mengajar pemikiran kita untuk memikirkan perkara yang positif yang membina kepercayaan dan keyakinan yang tinggi.

- (ii) Sasaran.

Orang yang berkeyakinan mempunyai sasaran. Mereka mengetahui tentang perkara yang mereka inginkan dalam kehidupan. Mereka tahu bila perlunya bekerja keras dan bila simpan tenaga untuk digunakan ketika mendapatkan sasaran mereka. Orang yang tidak mempunyai sasaran selalunya cenderung hanyut dalam kehidupan mereka dan membiarkan keadaan merosakkan keyakinan diri mereka.



(iii) Kelakuan atau perangai.

Apa yang kita buat, fikir dan rasa mempengaruhi tabiat keyakinan. Kita boleh membantu diri kita dengan berfikir dan merasa dengan penuh keyakinan mengenai diri sendiri.

(iv) Ketahanan.

Orang yang berkeyakinan selalunya melantun kembali daripada halangan dan penolakan, kesusahan dan kritikan. Walaupun kita tidak boleh mengawal kesemuanya yang berlaku pada kita, kita boleh mengawal bagaimana cara untuk kita mengambil tindakan.

(v) Bantuan atau sumber.

Orang yang berkeyakinan bergantung kepada semua kelakuan atau gaya sumber untuk membina dan mengekalkan keyakinan diri mereka. Mereka berdiri atas sokongan daripada orang lain, persekitaran dan merasa kebaikan diri mereka.

(vi) Cara yang berterusan.

Tingkatkan keyakinan diri kita seperti dalam larian maraton bukan seperti keajaiban. Pastikan keyakinan diri kita sentiasa berkembang dan meningkat dari hari ke hari.

### **2.6.1 Keyakinan diri berdasarkan jantina**

Isu jantina dalam pekerjaan sering mendapat liputan yang hangat. Stereotaip yang biasa didengar adalah pekerja wanita tidak boleh menunjukkan prestasi yang setanding dengan dengan pekerja lelaki atau wanita tidak boleh menjadi pengurus atau pemimpin yang baik (Ahmad, Z.A. 1998). Walaubagaimanapun, penyelidikan yang telah dijalankan mendapati secara konsisten bahawa tidak ada perbezaan di antara lelaki dan wanita dari segi kebolehan menyelesaikan masalah, kemahiran analitikal, semangat kompetitif, kebolehan pembelajaran atau kebolehan sosial (Robbins, S.P. 1998).

Pada tahun 2000, sebanyak 49.2% daripada 1.75 juta pelajar yang terbabit di dalam bidang pendidikan vokasional dan latihan adalah terdiri daripada kaum wanita. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 93.6% bermula dari tahun 1991 sehingga ke tahun 2000. Bagi pelajar lelaki pula, peningkatan yang ditunjukkan adalah tidak setinggi pelajar wanita iaitu sebanyak 64.1%. Peningkatan jumlah penyertaan kaum wanita menunjukkan mereka mempunyai asas kemahiran pendidikan dan pengurusan tanpa memerlukan mereka mempelajari menguasai sepenuhnya berkaitan kemahiran tersebut (National Centre for Vocational Education Research, 2000).

Menurut Ali, M. *et.al* (2006), beliau mendapati tahap penguasaan kemahiran antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah sama. Perbezaan jantina tidak boleh dijadikan halangan lagi kerana kejayaan seseorang itu adalah berasaskan kepada usaha dan kegigihan mereka sendiri. Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Amiruddin, N.A. *et.al* (2006) yang mendapati terdapat perbezaan signifikan tahap kemahiran generik yang dimiliki antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang baru mendaftarkan diri di KUSTEM pada sesi pengajian Jun 2005/2006. Skor min tahap kemahiran pelajar perempuan didapati lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Memandangkan faktor demografi mempengaruhi penguasaan kemahiran berkomunikasi seseorang, maka pengkaji menganggap bahawa faktor-faktor demografi ini juga mempunyai kaitan dengan kemahiran berkomunikasi seseorang individu.

## **2.6.2 Keyakinan diri berdasarkan bidang pengkhususan**

Menurut Khalil, S. *et. al.* (1999), menyatakan bidang pengkhususan pendidikan tidak semestinya menjadikan seseorang itu menjadikan seseorang kakitangan itu sudah boleh memantapkan tumpuan minat terhadap kerja berbanding mereka yang lain di dalam sesuatu organisasi. Ini kerana tidak semua orang pakar dalam semua bidang berdasarkan persekitaran kerja mereka. Keyakinan diri amat diperlukan didalam apa sahaja perkara yang kita lakukan. Menurut Yeung, R. (2008) bahawa keyakinan diri amat diperlukan dalam lima perkara iaitu ketika pengucapan awam

dan pembentangan, kemasyarakatan dan pertemuan sosial, memasuki alam pekerjaan, temuduga dan perubahan kehidupan.

Sebagai pelajar keyakinan diri amat penting bagi menunjukkan kemampuan diri kita dalam melakukan sesuatu pekerjaan atau tugas. Sandhu, G.S (2003) turut menyatakan perkara yang penting dalam menentukan kecemerlangan individu ialah sikap diri dan kemampuan diri yang lahir daripada kemahiran yang diperoleh dan dipelajari.

### **2.6.3 Keyakinan diri berdasarkan pencapaian akademik**

Kajian-kajian untuk mengetahui hubungan di antara pencapaian akademik dengan gaya pembelajaran individu telah memberi jawapan yang positif kepada beberapa soalan (Zakaria, R. 2004). Satu daripadanya ialah apabila pelajar-pelajar diajar dengan menggunakan pendekatan dan bahan yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran mereka, pencapaian mereka akan meningkat.

Seterusnya, Yung dan Benjamin (1992) telah menjalankan kajian untuk melihat kesan gaya pembelajaran dan cara pengajaran terhadap ujian pencapaian pelajar-pelajar yang mempunyai kecederungan belajar secara aktif dan pasif. Di antara dapatan kajian ini ialah pencapaian pelajar-pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran neutral dipengaruhi oleh interaksi faktor-faktor gaya pembelajaran dan cara pengajaran.

Farrel (1992) pula telah menjalankan kajian untuk melihat korelasi di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan 58 orang pelajar gred lima. Kajian ini menggunakan *Learning Style Inventory Brown and Copper*. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapatnya perkaitan antara gaya pembelajaran tertentu dengan pencapaian akademik, jika dilihat secara individu.

Dapatan kajian yang berlainan diperoleh oleh Musa, M. (2005) dalam kajiannya untuk mengenalpasti perkaitan di antara gaya pembelajaran dengan prestasi akademik pelajar dalam matapelajaran Ukur Kejuruteraan. Kajian tersebut telah dijalankan ke atas 186 orang pelajar Diploma Kejuruteraan Awam Politeknik Ungku Omar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang lemah antara gaya pembelajaran yang dipraktikkan dengan prestasi akademik pelajar.

Oleh itu beliau menyimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan secara statistik di antara gaya pembelajaran dengan prestasi pelajar dalam matapelajaran Ukur Kejuruteraan.

Berdasarkan dari perbincangan ini, adalah amat penting untuk pihak pengkaji mempunyai kebolehan mengesan faktor-faktor yang berkaitan dan bertepatan dengan keserasian sampel dalam memperolehi tahap pencapaian akademik yang cemerlang dari semasa ke semasa bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Walau apa jua faktor-faktor yang dikesan, harapan semua pihak adalah pengesanan ini akan menjurus ke arah peningkatan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya, dan peningkatan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar secara khususnya.

## **2.7 Information Communication Technology (ICT)**

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) merangkumi aspek teknologi maklumat dan teknologi komunikasi. Teknologi maklumat ditakrifkan sebagai teknologi yang digunakan oleh individu untuk mengumpul data dan menganalisis data menjadi maklumat berguna dan bermakna, serta untuk menghasilkan maklumat dalam pelbagai bentuk seperti teks, grafik, suara, animasi dan maya. Data dan maklumat sentiasa diperlukan untuk tujuan tertentu seperti bagi tujuan peningkatan ilmu/pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kemampuan. Teknologi komunikasi membolehkan individu atau kelompok individu bertukar data dan maklumat dalam ruang waktu dan tempat yang tidak terbatas, dengan cepat dan dalam masa yang sama melalui rangkaian setempat atau global (Jamaludin, R. 2000).

Teknologi Maklumat atau lebih dikenali dengan singkatan IT (*Information Technology*) telah menjadi satu keperluan dalam kehidupan kita pada masa kini. IT merupakan alat utama dalam era maklumat kerana IT menjadi teras dalam komunikasi antara manusia dan pembekalan maklumat kepada masyarakat. Oleh itu, pengetahuan tentang IT adalah penting bagi membentuk masyarakat yang bermaklumat. Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) seterusnya telah meningkatkan penggunaan Internet, web dan jaringan (*networking*) dalam pendidikan. Perkembangan baru ini telah mewujudkan persekitaran pembelajaran

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Pertama. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Kadir, N. (1994). *Tahap Penggunaan, Kemahiran Sikap dan Pengetahuan Pensyarah-pensyarah Pendidikan Vokasional di Kolej Menengah Vokasional seluruh Semenanjung Tentang Komputer: Kajian Ilmiah, Ijazah Pendidikan UPM*.
- Adil, A.R. (2003). *Keyakinan Diri*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur. Berlian Publication.
- Adnan Hashim, (2011). *Transformasi guru kuasai ICT sejajar aspirasi negara*.  
Dicapai pada April 5.2012 dari URL:  
<http://www.bharian.com.my/articles/TransformasigurukuasaiICTsejajaraspirasinegara/Article/>
- Ahmad, N. (2003). *Kemahiran dan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran Sains di sekolah menengah: Lebih Banyak Soalan Dari Jawapan*, Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur.
- Ahmad, Z.A (1998). *Perlakuan Organisasi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Al-Aqsar, Y. (2005). *Personaliti Berkeyakinan Diri Menguatkan Keyakinan Di Hadapan Orang*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Berlian Publication.
- Ali, M. et.al. (2006). *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Di Kalangan Pelajar Pendidikan Fizik Merentas Jantina*. Buletin Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor. Jilid (15) Bil. 1.
- Amiruddin, N.A. et.al (2006). *Perbezaan Dalam Dimensi Kemahiran Generik Pelajar Baru KUSTEM*. National Student Development Conference (NASDEC). Kuala Lumpur. Dicapai pada Mei 24, 2012 dari URL: [http://epints.utm.my/235/2/NurAmirahAmiruddin2006\\_Perbezaan-dalamdimensikemahirangenerik.pdf](http://epints.utm.my/235/2/NurAmirahAmiruddin2006_Perbezaan-dalamdimensikemahirangenerik.pdf).
- Ariffin, M.N. (2000). *Tahap Keyakinan Guru-guru Lulusan UTM (SPA/SPE/SPJ) Mengajar Mata Pelajaran Kejuruteraan Di Sekolah-Sekolah Di Daerah Muda/Yan, Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Aris, B. et. al (2001). *Sistem komputer dan aplikasinya*. Kuala Lumpur: Penerbit Venton Publishing
- Awang, A.I. (2005). *Penguasaan Kemahiran Interpesonal Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Di Politeknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Bailey, K.D. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terjemahan Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Chua, Y. P. (2006). "*Kaedah Penyelidikan. Selangor*". McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dahalan, A. F. *Penggunaan Teknologi dalam Pembelajaran Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia; 2006.

- Doyle, S. (2001). *Information and Communication Technology Vocational A-level*. 1st ed. UK: Stanley Thornes Ltd.
- Ee, A.M. (1999). *Falsafah Pendidikan Guru dan Sekolah*, Edisi Kedua. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Harun, J. & Tasir, Z. (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. Pahang: PTS Publication & Distributors.
- Harris, J. (2000). *In the kitchen design for telecollaboration and telepresence*.  
: <http://ccwf.cc.utexas.edu/jbharris/virtual-architecture/telecollaboration/more:/telecollaboration.htm>
- Hassan, M.S. (2007). *Kemahiran Melakukan Kajian Sains Sosial Dalam Kalangan Pelajar Teknikal*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Heinich, R, Molenda. M, & Russell. J. D. (1999). *Instructional Media and the New Technologies of Instruction*. New York: Macmillan.
- Ibrahim, S. (2005). *Guru Cemerlang Tetapi Tidak Bestari*.  
[http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2002&dt=0318&pub=duniapendidikan&sec=berita&pg=be\\_04.htm&arc=chieve](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2002&dt=0318&pub=duniapendidikan&sec=berita&pg=be_04.htm&arc=chieve)
- Ibrahim, S. et.al. (2005). *Penilaian Latihan Mengajar Dalam Program Pendidikan Guru Di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia: Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia.
- Ismail, M. A & Mahmud, R. (2003). *Teknologi maklumat dan komunikasi di sekolah : isu dan cabaran*. Prosiding Seminar Aliran Terkini Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), 1-18.
- Jamaludin, R. (2000). *Asas-asas Multimedia Dalam Pendidikan*. Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

- James, A.S. (1998). *Information Technology in Business Principles, Practise and Oppurtunities*. 1st ed. New Jersey: Prentice-Hall.
- Johari, K. (2003). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Kellah, M. E. (2008). *The Interaction of Pedagogical Approach, Gender, Self Regulation, and Goal Orientation Using Student Responde System Technology*. *The Journal of Research on Technology in Education*. 41,2: Pg. 161.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). Laman Web Rasmi KPM. Dicapai pada Mei 24, 2012 dari URL: <http://www.moe.gov.my/>
- Kerajaan Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Khalil, S. et. al. (1999). *Etika Kerja Di Kalangan Pekerja Sektor Awam*. Universiti Utara Malaysia: Kajian Kes.
- Konting, M. M. (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan*. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Krejcie dan Morgan (1970). “*D.W Determining sample size for research Educational and Psychological Measurement*”. 607-610.
- Litvinoff, S. (2005). *The Confidence Plan Essential Step To A New You*. 2nd Ed. Great Britain: BCC Book.
- Lumpkin, A. (2006). *You Can Be Positive, Confident, And Courages Learn To Lead A More Meaningful Life*. 1st Ed. Selangor: Laris Resources Sdn. Bhd.
- Malaysia (1996). “*Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996–2000*.” Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.



- Mohd Hafir, N.H. (2005). *Hubungan Di Antara Jenis Rangsangan Keyakinan, Tahap Keyakinan Diri Dan Pencapaian Kognitif Di Kalangan Pelajar Diploma Politeknik, Kementerian Pelajaran Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Mohd Taib, H.S. & Ngah, N.A. (2003). Pertimbangan sosioteknikal dalam reka bentuk dan implementasi ICT. ICT dalam pendidikan dan latihan: Trend dan isu. Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia.
- Mohd Shariff, M.S. (1999). *Tahap Keyakinan Diri Guru-Guru Lulusan STP (Kejuruteraan awam, elektrik dan jentera) UTM Dalam Mengajar Mata Pelajaran Kejuruteraan Dan Bukan Kejuruteraan Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Negeri Pulau Pinang*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Musa, M. (2005). *Perkaitan Gaya Pembelajaran Dalam Prestasi Pelajar Bagi Subjek Ukur Kejuruteraan Di Politeknik*. KUiTTHO: Tesis Sarjana PTV.
- NCVER (2000). “*Students in Vocational Education and Training*.” National Centre for Vocational Education Research., NCVER Journals. Pg. 3.
- Nordin, A. & Abdul Rani, M.A. (1995). *Cabaran Kepada Guru Yang Memasuki Universiti Malaysia Secara Terus Dan Melalui Kejuruteraan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai : Tesis.
- Pelan Induk Pendidikan 2006-2010 (2006), Dicapai pada Julai 20, 2012 dari URL: <http://www.moe.gov.my/>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2004). *Bahan intervensi sejarah*. Kuala Lumpur.
- Robbins, S.P. (1998). *Organizational Behavior: Concepts, controversies and application*. (8th edition). Prentice Hall.
- Sanders, M. (2003). *Communication Technology Today and Tomorrow*. 1st ed. New York: Mc Graw Hill.

Sandhu, G.S. (2003). *“Meneraju Diri Ke Arah Kecemerlangan Hubungan Dengan Orang Lain Dan Organisasi.”* Edisi Pertama. Selangor: Thinker’s Library Sdn. Bhd.

Sarafino, E.P. (2005). *“Research methods using processes and procedures of science to understand behavior.”* New Jersey: Prentice Hall.

Tengku Zainal, T.Z. (2000). Pembelajaran secara elektronik (atas talian).  
<http://www.kuwi.net.my/artikel/e-learning.htm>.

Total self-improvement (2012). *Building self-confidence*. Dicapai pada August 20, 2012 dari URL:  
<http://www.totalselfimprovement.com/building-self-confidence.html>

Umar, I.N. dan Maswan, S. (2004). *Pendekatan inkuiri dan pembelajaran berasaskan masalah dalam persekitaran web*. Prosiding Teknologi Pendidikan. Universiti Sains Malaysia. 2004

Yeung, R. (2008). *Confidence The Art Of Getting Whatever You Want*. 1st Ed. Great Britain: Pearson Prentice Hall Life.

Zakaria, R. (2004). *Hubungkait Antara Budaya Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Dalam Bidang Teknikal: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Teknik Johor*. KUiTTHO: Tesis Sarjana PTV.